

Kemasukan 373k pekerja asing beri kelegaan

Kuala Lumpur: Tindakan segera dalam membawa 373,459 pekerja asing masuk ke negara ini melalui Visa Secara Rujukan berdasarkan permohonan majikan sejak Januari hingga 4 Disember lepas meringankan kesukaran dihadapi banyak perusahaan dalam operasi harian dan keperluan perniagaan mereka.

Jumlah itu sebahagian keseluruhan 403,869 permohonan yang diterima oleh Jabatan Imigresen.

Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman berkata, jaminan diberi Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail bahawa baki 30,410 permohonan majikan untuk pekerja asing akan diproses dan dipertimbang bagi kelulusan dalam tempoh tujuh hari bekerja adalah amat meyakinkan.

“Ia menunjukkan ke-

sungguhan Saifuddin menangani isu dihadapi majikan akibat kekurangan tenaga kerja asing,” katanya.

MEF amat menghargai kesediaan Menteri berkenaan dalam berkongsi butiran data mengenai jumlah semasa pekerja asing di negara ini kerana data tersebut akan membantu pihak berkepentingan membuat penilaian sewajarnya mengenai angka tambahan pekerja asing yang diperlukan oleh industri masing-masing, katanya.

Sehingga November 2022, ada 1,391,624 pekerja asing di Pusat Khidmat Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).

Agihan mengikut sektor antaranya ialah pembuatan (510,507), pembinaan (308,886), perlombongan (160,728), perkhidmatan (208,425), pertanian (110,598), pekerja domestik asing (92,338) dan perlombongan/pengkua-rian (142).